

BANTUAN PELAJAR MADRASAH

OBJEKTIF

Menggalak pengajian bidang agama dan membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang meneruskan pengajian sekolah agama di dalam negara dan luar negara.

Definisi:

Madrasah disini merujuk kepada tempat pengajian yang tidak mendapat pembiayaan atau peruntukan daripada pihak Kerajaan seperti maahad, sekolah, pusat, pondok, pesantren dan sebagainya.

KEKERAPAN

Setiap tahun tertakluk kepada adanya permohonan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Telah menerima surat tawaran atau disahkan masih menuntut di sekolah tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
3. Pemohon hendaklah menuntut di Pusat Pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau mendapat surat sokongan dari pihak Kedutaan Malaysia.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
5. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).
6. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran pengajian.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Surat/Sijil pendaftaran pusat pengajian
3. Surat tawaran / Surat pengesahan dari pusat pengajian.
 - 3.1 Tahun pertama (Surat tawaran atau surat pengesahan daripada sekolah agama).
4. Tahun kedua dan seterusnya (Slip peperiksaan tahunan terkini dan Borang Perakuan Pelajar sekolah agama/Surat pengesahan daripada sekolah agama).
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.